

10 OCT 1996

Umno-Pemilihan

PEMILIHAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO BERMULA

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pemilihan anggota Majlis Tertinggi Umno bermula 12.15 tengah hari ini selepas perhimpunan ditangguhkan sebaik ia dirasmikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mendahului senarai 1,871 anggota perwakilan mengundi di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Ini diikuti Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, 42 anggota Majlis Tertinggi yang lain, anggota perwakilan bahagian dan masing-masing 30 perwakilan Pergerakan Pemuda serta Wanita.

Anggota perwakilan Parit Buntar mendahului senarai 1,767 wakil dari 164 bahagian yang mengundi.

Tayangan video mengenai cara-cara mengundi ditunjukkan kepada anggota-anggota perwakilan sebelum pengundian bermula dan semua peti undi dibuka untuk menunjukkan peti yang kosong sebelum dikunci di hadapan mereka oleh petugas-petugas yang membantu perjalanan pemilihan.

Semua yang mengundi diingatkan oleh Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah supaya menggunakan hanya pena yang disediakan dan mereka diminta keluar dari dewan selepas selesai membuat pemilihan.

Pengundian dijadual berlangsung selama dua jam dan selepas itu persidangan akan ditangguhkan kira-kira pukul 2.30 petang.

Seramai 300 pekerja membantu mengendalikan proses pengundian dan urusan pengiraan.

Keputusan pemilihan anggota barisan kepimpinan parti untuk tempoh tiga tahun itu dijangka diumumkan petang ini.

Seramai tujuh orang bertanding merebut tiga jawatan Naib Presiden dan 55 calon bagi 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi, dua dan tiga calon, masing-masing bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan pada perhimpunan kali ini.

Tumpuan adalah terhadap jawatan Naib Presiden yang melibatkan pertandingan tujuh penjurur dengan tiga penyandang - Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Mereka dicabar oleh tiga anggota Majlis Tertinggi Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Syed Hamid Albar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan seorang anggota parti Yob Tajuddin Kulub Ismail.

Majlis Tertinggi yang sebelum ini menggugurkan taraf perwakilan 15 anggota ke perhimpunan agung parti 1996 kerana pelbagai kesalahan termasuk melanggar tata etika parti dan muflis, dalam mesyuaratnya semalam memberi semula taraf perwakilan kepada tiga anggota berikutan terlepas daripada tindakan muflis. -- BERNAMA

JM RAZ RON